

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN]

TARIKH : 19 JUN 2014

SOALAN :

Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah Malaysia mempunyai perancangan strategik untuk kembali menjadi pengeluar getah asli terbesar dunia selain menjadi pengeksport terbesar dunia bagi sarung tangan berasaskan getah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keluasan tanaman getah negara buat masa ini adalah seluas 1.06 juta hektar berbanding dengan 1.02 juta hektar pada tahun 2000. Ini menjadikan Malaysia sebagai pengeluar getah asli yang keenam terbesar dunia selepas Thailand, Indonesia, Vietnam, India dan China.

Kita harus terima hakikat bahawa tanah untuk tanaman baru getah semakin terhad disebabkan persaingan sengit untuk gunatanah daripada aktiviti-aktiviti ekonomi yang lain. Selain itu, banyak kawasan tanaman getah sedia ada juga akan ditukar kepada gunatanah lain terutama kepada pembangunan harta tanah. Industri getah kita juga menghadapi persaingan daripada negara-negara pengeluar lain seperti Thailand, Indonesia dan Vietnam yang mempunyai tanah yang luas. Disebabkan faktor-faktor ini, maka adalah sukar bagi Malaysia untuk kembali menjadi pengeluar getah asli terbesar dunia.

Bagaimana pun bagi mengekalkan kedudukan Malaysia sebagai pengeksport terbesar dunia bagi sarung tangan berasaskan getah, tumpuan Malaysia kini adalah kepada usaha-usaha memperkukuhkan lagi pembangunan industri hiliran getah. Pada tahun 2013, Malaysia telah mengeksport produk-produk berasaskan getah bernilai RM 14.62 billion. Nilai ini merupakan 43.33 % daripada keseluruhan eksport industri getah yang bernilai RM 33.73 billion.

Sehubungan dengan itu, Lembaga Getah Malaysia (LGM) akan terus mempertingkatkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk mempelbagaikan kegunaan getah termasuk pengeluaran produk getah termaju dan mesra alam seperti Ekoprena dan Pureprena.

Pada masa yang sama, langkah-langkah juga diambil untuk meningkatkan produktiviti di sektor hulu yang juga adalah penting bagi mendokong pembangunan industri hiliran. Di bawah Dasar Komoditi Negara, Kementerian mensasarkan keluasan tanaman getah negara menjelang tahun 2020 seluas 1.2 juta hektar dengan pengeluaran getah sebanyak 2 juta tan setahun.

Di bawah Bidang Keberhasilan Ekonomi Utama Negara (NKEA - *National Key Economic Area*), Kerajaan telah melaksanakan Program Tanaman Baharu dan Tanam Semula Getah Pekebun Kecil. Peruntukan sebanyak RM744 juta telah disediakan untuk melaksanakan kedua-dua program tersebut bagi tempoh 2012-2014 dengan sasaran tanaman baharu getah seluas 38,770 hektar dan 113,900 hektar di bawah program tanam semula.

Kerajaan akan terus merancang dan melaksanakan pelbagai program supaya industri getah berdaya saing serta terus menjadi di antara penyumbang utama kepada ekonomi negara.

Sekian, terima kasih